

05/09/2002

Keutamaan melaksanakan syiar Islam mengikut al-Quran

TUJUAN mana-mana pertubuhan politik dan bukan politik ditubuhkan, baik-baik belaka. Di antara Umno dan Pas dari segi tujuan penubuhan tidak jauh bezanya. Kedua-dua parti politik Melayu ini mempunyai tujuan dan hasrat baik untuk perjuangan agama, bangsa dan negara. Kedua-dua parti itu mendukung perjuangan menegakkan Islam. Fasal 3 tujuan Umno untuk menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam sebagai agama rasmi negara. Pas pula berazam untuk memperjuangkan terbentuknya masyarakat Islam yang berasaskan al-Quran, sunnah, ijma' dan qiyas.

Jika tujuan kedua-dua parti politik itu sama, mengapa berlaku konflik yang menyebabkan perpecahan orang Melayu? Memang benar, jika kedua-dua parti ini bekerja keras untuk mencapai matlamat penubuhannya, tidak banyak yang boleh menimbulkan masalah. Kedua-duanya ditubuhkan untuk menyatukan umat Islam. Tetapi orang Islam di negara ini berpecah kerana kewujudan Pas dan Umno. Di manakah perginya, tujuan penyatuan umat yang dihasratkan bersama itu?

Politik orang Melayu dan perjalanannya, tidak sangat ditentukan oleh tujuan baik yang dihasratkan. Tetapi, sebenarnya, dicorakkan oleh kelakuan dan tingkah laku pemimpin dan pendukungnya. Inilah yang membentuk acuan politik orang Melayu. Jika pemimpin dan pendukung parti politik ini beriltizam sepenuhnya kepada tujuan penubuhannya, tidak akan berlaku perpecahan. Begitu juga tidak akan berlaku persengketaan sengit yang satu pihak memfitnah pihak lain. Tidak akan berlaku maki hamun dan sumpah seranah yang satu terhadap yang lain. Ini kerana tujuan penubuhannya adalah suci dan pemimpin serta pendukung mematuhi kehendak tujuan yang diperjuangkan. Tetapi tingkah laku politik yang bertentangan dan berlawanan dengan tujuan penubuhan setiap parti politik menyebabkan keadaan sebaliknya.

Jika masing-masing ikhlas berusaha mencapai matlamat yang ditulis dalam perlembagaan setiap parti, kewujudan yang satu, melengkapkan yang lain. Masing-masing melakukan apa yang terbaik untuk mencapai cita-cita dan tujuan murni yang ditetapkan. Yang menimbulkan masalah sekarang bukannya cita-cita perjuangan, tetapi kelakuan dan tingkah-laku politik pemimpin dan pendukung yang menentukan acuan sebenar perjuangan politik parti itu. Kedua-dua parti politik Melayu itu, kini menjadi pemerintah. Umno lama berkuasa di negara ini dan diberi amanah mentadbir Kerajaan Persekutuan dan negeri. Pas juga diberi mandat memerintah dua negeri di Pantai Timur - Kelantan dan Terengganu.

Selama Umno dan Pas muncul sebagai parti politik, perbezaan mereka berkisar di sekitar persoalan agama. Punca perbalahan dan kesangsian bukan kerana tujuan, tetapi tingkah-laku politik. Jika baik tingkah laku politik, perbezaan pendapat tidak banyak menimbulkan kesan buruk kepada masyarakat. Justeru, yang perlu diperbetulkan ialah kelakuan politik pemimpin dan pengikut di setiap peringkat.

Apabila Umno mengutamakan sesuatu ayat daripada al-Quran dan Pas mengutamakan ayat lain, sepatutnya perbezaan keutamaan itu tidak mendatangkan masalah besar kepada masyarakat Islam. Sebagai pemerintah negeri, sebaiknya Pas perlu akur kepada keputusan Kerajaan Pusat dalam perkara yang membabitkan kepentingan negara. Tetapi kelakuan dan tingkah-laku politik yang buruk, tidak memungkinkan perkara yang sepatutnya berlaku itu, berlaku.

Umno yang memegang tampuk pemerintahan, memulakan langkah mengisi

kemerdekaan dengan mengamalkan perintah Tuhan supaya membaca. Dasar Pendidikan Negara adalah dasar paling awal dibentuk. Menerusi pelaksanaan dasar ini, negara mengorak langkah menuju kecemerlangan pendidikan dan pusat pendidikan serantau. Kejayaan negara banyak bergantung kepada kejayaan bidang pendidikannya. Dasar ini berjaya mengeluarkan masyarakat Melayu daripada kemunduran.

Program pembasmian kemiskinan melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah memenuhi perintah Allah supaya membantu orang miskin. Jika berlaku pengabaian terhadap orang miskin, bererti berlaku pendustaan terhadap agama. Serentak itu, tumpuan DEB untuk mewujudkan keadilan sosial dengan penyusunan masyarakat ke arah mendekatkan jurang di antara golongan berada dan tidak berada. Tuntutan menegakkan keadilan, adalah antara perkara utama dalam penghayatan Islam.

Dasar negara yang diperjuangkan Umno memberikan keutamaan kepada pembangunan ekonomi dan pengurusan berhemat, kekayaan dan hasil-mahsul negara. Pengurusan yang bijaksana terhadap kekayaan negara penting bagi mewujudkan masyarakat sejahtera. Dasar ini memenuhi tuntutan al-Quran, supaya "tidak memberikan harta benda kamu kepada orang bodoh (untuk menguruskannya) pada Allah menjadikannya kekuatan yang menegakkan kamu."

Seterusnya, ayat yang memerintahkan supaya menyediakan apa juga kekuatan untuk mempertahankan agama dan kedaulatan negara serta keselamatan rakyat, turut menjadi keutamaan dalam dasar pembangunan negara yang diperjuangkan Umno. Kekuatan ekonomi, kekuatan pengurusan dan pentadbiran negara, kestabilan politik, perpaduan rakyat dan penguasaan ilmu, menjadi agenda penting negara yang diperjuangkan oleh Umno dan berjaya dilaksanakan.

Inilah aspek penghayatan agama yang dijadikan keutamaan oleh Umno. Keutamaan yang dipilih oleh Umno berbeza dengan keutamaan yang dipilih Pas apabila parti itu mengambil-alih kuasa di Kelantan dan Terengganu. Ayat dan perintah Allah yang diutamakan oleh Pas untuk dihayati ialah ayat mengenai pelaksanaan hukum jenayah. Pas memberikan keutamaan kepada pelaksanaan ayat : "Pencuri lelaki dan pencuri wanita, hendaklah dipotong tangan kedua-duanya, sebagai deraan ke atas mereka daripada Allah." Pas juga selepas berkuasa, mengutamakan firman Allah "...penzina lelaki dan penzina perempuan, maka hendaklah disebut kedua-duanya dengan 100 sebatan."

Bagaimanapun, keutamaan yang diberikan oleh Pas dalam melaksanakan Islam, difahami secara ritual dan tidak diambil kira persiapan rapi bagi menjamin keadilan dalam pelaksanaan undang-undang jenayah itu. Lagipun apa yang dihasratkan oleh Pas, tidak kesampaian, kerana pelaksanaan itu di luar bidang kuasa kerajaan negeri. Sebahagian besar daripada undang-undang yang diluluskan itu tergantung begitu saja, tanpa keupayaan menguatkuasakannya. Justeru, masyarakat tidak banyak mendapat manfaat daripadanya. Bahkan, kemungkinan keadilan tidak dapat ditegakkan, kerana persiapan pelaksanaan yang tidak mencukupi.

Salah seorang belia yang menyertai rombongan dari Kuwait bertanya kepada saya, mengapakah pelaksanaan Islam oleh Umno di bidang muamalat dan sebagainya, tidak dilengkapkan dengan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam yang cuba dilaksanakan oleh Pas.

Saya memberikan jawapan sebagaimana yang dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu pertemuan, bahawa beliau, belum mempunyai kesanggupan untuk melaksanakan hukum ini. Ini memandangkan sensitiviti masyarakat antarabangsa dan juga masyarakat bukan Islam di negara ini sendiri. Lebih daripada itu, persiapan bagi menegakkan keadilan jika undang-undang jenayah Islam hendak dilaksanakan, belum begitu kukuh. Yang paling penting dalam pelaksanaan undang-undang jenayah Islam ialah keadilan. Justeru, jika sistem keadilan bagi melaksanakan hukum jenayah Islam, belum lengkap dan masih dalam keadaan meraba-raba,

sukar dilaksanakan sistem jenayah Islam seperti mana yang dituntut oleh Islam.

Pemuda dari Kuwait itu bertanya lagi kepada saya, mengapa takut melaksanakan hukum hudud itu, semata-mata kerana takut kepada sensitiviti Amerika Syarikat atau orang bukan Islam. Apakah kita patut meredakan Amerika dan orang bukan Islam atau kita terlebih dulu perlu menuntut keredaan Allah.

Saya berkata kepadanya, bahawa Allah tidak meredai orang yang tidak menggunakan akal fikiran. Berapa banyak ayat al-Quran yang menempelak mereka yang tidak menggunakan akal fikiran dan mencampakkan mereka ke lembah kebinasaan. Jika kita mengambil pendirian berani membuta tuli, tanpa menimbangkan keupayaan kita dalam menghadapi ancaman, bermakna tidak menggunakan nikmat berakal yang dikurniakan oleh Allah. Ini kerana, kita dimurkai oleh Allah. Rasulullah saw bersabda, "Jangan kamu bercita-cita menghadapi musuh, jika kamu bertembung, maka tabahlah menghadapinya."

Justeru, adalah lebih baik, jika kita melaksanakan tuntutan al-Quran supaya membangunkan bumi ini sebagaimana firmannya: "Dialah yang membentuk kamu daripada bumi dan menuntut kamu membangunkannya." Bidang yang diutamakan oleh Umno dalam membina kekuatan umat, mengembangkan ilmu, mengurus kekayaan yang dikurniakan oleh Allah dengan bijaksana, mengukuhkan ekonomi, mewujudkan kestabilan dan keselamatan serta berusaha mengekalkan perpaduan adalah perkara yang dituntut oleh al-Quran, yang mampu dilaksanakan oleh kita. Keutamaan dalam pelaksanaan Islam di bidang ini lebih bijaksana daripada memberikan keutamaan kepada hukum hudud dan mengabaikan penyelesaian masalah kemiskinan, kejahilan, kelemahan kehidupan dan sebagainya.